

Headline	Panel Syariah pantau ESQ 165		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	21 Apr 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	5	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	76 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 304
Frequency	Daily	PR Value	RM 912



Panel Syariah pantau ESQ 165

SHAH ALAM - Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan memutuskan panel syariah ESQ bertanggungjawab memantau sepenuhnya dan memutuskan bahawa kursus ESQ Leadership Training boleh dilaksanakan di Malaysia.

Pengarah Perhubungan Korporat ESQ 165, Mohammad Razib Abu Bakar berkata, panel terbabit memantau keseluruhan ESQ 165 supaya tidak melanggar syariat Islam dan garis panduan yang ditetapkan.

"ESQ sudah melakukan semua penyesuaian ke atas perkara-perkara atau istilah yang boleh disalah tafsirkan seperti keputusan dari Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan," katanya.

Panel terdiri daripada bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Mustafa Abdul Rahman; bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Tan Sri Abdul Kader Talip; bekas Mufti Negeri Johor, Datuk Nooh Gadot; bekas Mufti Negeri Kedah, Datuk Paduka Syeikh Hasbullah Abd Halim dan Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Islam Antarabangsa, Profesor Madya Dr Adnan Mohamed Yusoff.